



## SIARAN MEDIA

### LANCAR DUA PROGRAM, BUKTI MEDAC KOMITED DALAM PEMBANGUNAN PKS

**Kuala Lumpur, 30 Januari 2020** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya SME Corp. Malaysia komited dalam membangunkan PKS bagi memastikan sumbangan mereka kepada ekonomi negara terus meningkat. Hari ini, YB Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah melancarkan dua program iaitu *SMEs Go Global* dan *SME Co-Investment Partner (SCIP)* bagi meningkatkan akses PKS tempatan kepada pembiayaan dan pasaran.

Program ini melibatkan kerjasama di antara SME Corp. Malaysia dan sektor swasta, sejajar dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama (SPV) 2030 yang memberi fokus kepada pengukuhan ekosistem perniagaan dan industri melalui Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 untuk terus meningkatkan akses kepada pembiayaan, membangunkan sistem inklusif kewangan holistik untuk keusahawanan dan PKS, memudahkan inovasi dan digitalisasi serta pengantarabangsaan PKS.

Menurut YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, “Program *SME Co-Investment Partner (SCIP)* merupakan inisiatif pembiayaan bersama antara Kerajaan dan sektor swasta yang bermatlamat untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan pada tahap awal melalui penyediaan pembiayaan modal berisiko. Program ini akan melengkapkan landskap pembiayaan PKS sedia ada dengan menawarkan pembiayaan ekuiti dan hutang (*equity and debt*)”.

Tambah beliau, “Program ini mensasarkan PKS peringkat permulaan yang beroperasi di antara 1 hingga 3 tahun dalam semua sektor termasuk firma *mainstreet* yang

mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, inovatif dan juga syarikat dalam bidang yang baru muncul.

Di samping itu, bagi membantu PKS mengembangkan pasaran ke peringkat antarabangsa dan seterusnya merancakkan pertumbuhan nilai eksport negara, SME Corp. Malaysia akan melaksanakan Program *SMEs Go Global*. Skop program ini meliputi persediaan produk pra-eksport, penyertaan di pasaran dalam talian di negara sasaran, aktiviti logistik dan rantaian pasaran (*market linkages*), pewujudan operasi di luar negara, pembuatan prototaip produk untuk pasaran antarabangsa, aktiviti yang menghubungkan PKS dengan pakar penjenamaan antarabangsa, sampel produk dan lain-lain lagi. Program *SMEs Go Global* ini diwujudkan bagi menangani isu utama yang dihadapi oleh PKS dalam meneroka pasaran eksport iaitu menepati kualiti dan piawaian, keperluan peraturan, aktiviti logistik dan kesedaran pasaran.

Turut berlangsung pada hari ini adalah majlis pertukaran *Memorandum of Collaboration (MoC)* di antara SME Corp. Malaysia dan Huawei Technologies Malaysia Sdn. Bhd. bagi kerjasama untuk menerapkan elemen ICT dan Digitalisasi kepada PKS. Skop kerjasama ini merangkumi penyediaan khidmat nasihat dan sokongan teknikal, penyelesaian digital serta strategi dan amalan terbaik dalam bidang ICT. Selain itu, Huawei juga akan menyediakan kepakaran dan sokongan teknikal untuk PKS menggabungkan penyelesaian digital inovatif dalam perniagaan mereka menggunakan platform terbuka yang inovatif berdasarkan teknologi *Artificial Intelligence (AI) Cloud*. Pada masa yang sama, SME Corp. Malaysia dan Huawei akan bekerjasama dalam membangunkan program bagi memudahkan inovasi dan penerapan digitalisasi di kalangan PKS melalui pelbagai program dan inisiatif termasuk program *Train-of-Trainer*.

Di antara tetamu yang hadir pada majlis perasmian ini ialah YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Md Radzi, Ketua Setiausaha, MEDAC; YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengurus, SME Corp. Malaysia; YBrs. Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia dan Encik Michael Yuan, Ketua Pegawai Eksekutif, Huawei Technologies Malaysia Sdn. Bhd.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Azlina Saleh dan Sivarao a/l Aparahu di talian 03-2775 6351 / 6303 atau emel – [azlina@smecorp.gov.my](mailto:azlina@smecorp.gov.my) / [sivarao@smecorp.gov.my](mailto:sivarao@smecorp.gov.my)

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia  
Level 6, SME 1, Block B  
Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Fax : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Website : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.